



## **KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

### **BERKENAAN:**

### **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR TAHUN 2019 SIRI 2**

1. Perkara 107(1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Perkara 107(2) pula, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai sesuatu negeri hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja atau Yang di-Pertua Negeri berkenaan yang hendaklah menyebabkan laporan tersebut dibentangkan di Dewan Undangan Negeri itu.
  
2. LKAN mengenai Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2019 Siri 2 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 28 September 2021. LKAN ini dibentangkan setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, LKAN ini akan dibentangkan di Dewan

Negeri Selangor pada 29 November 2021 setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

3. LKAN pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara penting seperti berikut:

### **3.1. LKAN Tahun 2019 Siri 2 Mengenai Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor**

#### **3.1.1. Pengurusan Aktiviti Agensi Negeri**

- a. Pengauditan prestasi yang dijalankan bertujuan menilai sama ada aktiviti/projek Kerajaan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif aktiviti/projek ini telah tercapai. Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat tanpa berlaku pemborosan dan pembaziran serta mendapat *best value for money*.
- b. Bagi LKAN Tahun 2019 Siri 2 ini, sebanyak dua pengauditan prestasi telah dilaksanakan di peringkat negeri Selangor, iaitu Pengurusan Kutipan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam di Majlis Perbandaran Klang serta Pengurusan Skim *Smart Sewa* di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor.

**i. Pengurusan Kutipan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam di Majlis Perbandaran Klang**

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa objektif pengurusan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam untuk mengukuhkan tahap kebersihan dan keselesaan penduduk masih belum dapat dicapai sepenuhnya. Ini berdasarkan bilangan Notis Tindakan Pembetulan yang dikeluarkan bagi pembersihan awam melebihi 10,000 bagi tempoh yang diaudit. Kaedah pemantauan yang dijalankan adalah secara rawak dan tidak menyeluruh serta tidak memberi gambaran sebenar. Sebahagian besar responden pula memberi penilaian tahap sederhana sahaja bagi aspek prestasi kerja KDEB Waste Management Sdn. Bhd. (KDEB), keselesaan dan kebersihan. Selain itu, terdapat aspek yang perlu ditambah baik, iaitu penilaian prestasi KDEB serta penguatkuasaan dan pemantauan terhadap pembuangan sampah secara haram.

**ii. Pengurusan Skim *Smart* Sewa di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor**

Secara keseluruhannya, Skim *Smart* Sewa dapat membantu rakyat negeri Selangor yang masih tidak memiliki kediaman dan gagal mendapatkan pinjaman perumahan supaya dapat menyewa kediaman yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan kadar sewa yang berpatutan. Bagaimanapun, pembelian unit

kediaman Skim *Smart* Sewa tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Selain itu, penilaian keberhasilan belum pernah disediakan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor serta Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (PHSSB) bagi mengukur keberkesanan program. Beberapa kelemahan dikenal pasti dalam aspek pengurusan seperti kontrak tidak ditandatangan, surat tawaran lewat dikeluarkan kepada penyewa, tiada surat pembaharuan sewaan antara PHSSB dan penyewa dan pengurusan sewa yang kurang cekap.

### **3.1.2. Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri**

- a. Pengauditan bagi pengurusan syarikat kerajaan dijalankan selaras dengan Seksyen 5(1)(d), Akta Audit 1957. Pengauditan merangkumi tiga aspek, iaitu tadbir urus korporat, pengurusan aktiviti dan kedudukan kewangan syarikat.
- b. Bagi LKAN Tahun 2019 Siri 2 ini, satu pengauditan pengurusan syarikat kerajaan telah dilaksanakan di peringkat Kerajaan Negeri, iaitu Pengurusan Worldwide Holdings Berhad (WHB). Secara keseluruhannya, objektif penubuhan WHB telah tercapai dalam projek pembangunan kediaman untuk rakyat Selangor dan perkhidmatan pengurusan alam sekitar. Bagaimanapun, projek Amber dan Azalea yang dipilih sebagai sampel audit mengalami kelewatan penyiapan, iaitu melebihi tempoh munasabah penyiapan projek mengikut

standard Jabatan Kerja Raya. Projek Amber hanya dapat disiapkan dalam masa 48 bulan manakala projek Azalea siap dalam masa 44 bulan dari tempoh yang ditetapkan dalam kontrak. Selain itu, wujud kelemahan dalam pengurusan penjualan projek kediaman seperti pemberian diskau yang tidak teratur dan kadar harga jualan rumah yang melebihi nilaiang Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Secara Sanitari juga kurang cekap dalam menguruskan perjanjian pengoperasian di mana kontrak pelupusan sisa pepejal lewat/tidak ditandatangani dengan PBT terlibat. Aspek tadbir urus adalah baik namun perlu penambahbaikan dalam aspek Pengerusi, Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, Prosedur Operasi Standard, Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Imbuhan. Kedudukan kewangan WHB masih kukuh dengan mencatatkan trend lebih keuntungan sebelum cukai untuk tiga tahun berturut-turut dan aliran tunai yang positif.

- 3.2. Semua ketua agensi yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam LKAN untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua agensi berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan syor kepada agensi berkenaan untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan. Sebanyak 11 syor

telah dicadangkan dalam LKAN Tahun 2019 Siri 2 Mengenai Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri.

4. LKAN Tahun 2019 Siri 2 ini akan dibentangkan di Dewan Negeri Selangor pada 29 November 2021. Oleh itu, LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang sama. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 29 November 2021 selepas jam 10.00 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my).

Ketua Audit Negara

29 November 2021  
24 Rabiulakhir 1443H